KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

PEGAWAI PENYEMAK :

DR. PG. ISMAIL BIN PG. MUSA

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 2/12/2020

DIBACA PADA : 4/12/2020

DILULUSKAN OLEH :

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

# KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

**18 RABIULAKHIR 1442H/ 04 DISEMBER 2020**

## MUHASABAH DIRI PERKUKUH PERIBADI


Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)


**Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:**

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah** menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali**.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yng dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkatan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَلْتَنظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ

إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ (Al-Hasyr, ayat 18)

أَشْهَدُ أَنْ لَآ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوااللَّهَ ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ .

**MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Dengan keberkatan *Sayyidul-ayyam* di bulan terakhir tahun 2020 ini, marilah kita bersama-sama menggandakan usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dengan menyemaikan amalan berpesan-pesan sesama kita. Oleh itu, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah S.W.T dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

**SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Tahun berganti tahun, hari berganti hari, masa terus berganjak meninggalkan kita. Persoalannya, sejauh mana kita telah memanfaatkan masa yang ada sesuai dengan tuntutan agama serta fitrah insani. Bagi menyedari akan hakikat kelalaian ini, tidak lain dan tidak bukan adalah melalui kita bermuhasabah diri, renungi diri serta berfikir sejenak koreksi apa yang terjadi, akhirnya bertindaklah bagi memperbetulkannya dengan mempergiat amalan kebaikan di sepanjang usia kita. Satu ketika

Rasulullah SAW bersabda mengenai golongan yang terpuji bijak memanfaatkan usianya dengan perkara kebaikan yang bermaksud;

> *Dari Abdullah bin Busr radhiyallahu 'anhu, bahawa ada seorang Arab Badwi berkata kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam: "Wahai Rasulullah, siapakah sebaik-baik manusia?" baginda menjawab: "Orang yang paling panjang umurnya dan baik amalannya"*
> ***(HR at-Tirmizi & Ahmad).***

**SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Sebagai makhluk ciptaan Allah SWT kita tidak lepas daripada melakukan kekhilafan, hanyasanya sifat kesempurnaan itu milik mutlak bagi Allah Azza Wa Jalla. Justeru, sebagai hambaNya yang sentiasa mendambakan rahmat dan pengampunan daripada Rab kita seharusnya sentiasa bermuhasabah bagi memperbaiki diri dan terus istiqomah di jalan kebaikan. Hal ini kerana, kebaikan yang kita semai inilah yang bakal menjadi bekalan kita di Hari Akhirat kelak. Allah SAW berfirman dalam surah al-Hasyr ayat 18:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَلۡتَنظُرۡ نَفۡسٞ مَّا قَدَّمَتۡ لِغَدٖۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ
إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرُۢ بِمَا تَعۡمَلُونَ ١٨

Maksudnya**:** "*Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan."*

**SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT.**

Melihat senario dan keadaan musibah yang menimpa umat pada ketika ini, adalah perlu untuk kita bermuhasabah berfikir sejenak, dengan ujian dan musibah yang menimpa kita hari ini takut-takut

natijah perbuatan dan perilaku kita yang mengundang murka Allah SWT *wal'iyazubillah*. Allah SWT berfirman dalam surah Faatir ayat 37;

... أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَن تَذَكَّرَ ...

*Maksudnya: "Bukankah Kami telah melanjutkan umur kamu dan memberikan masa yang cukup untuk berfikir."*

Syeikh Sayyid al-Tantawi menyatakan ketika menafsirkan ayat ini bahawa Allah SWT menegur insan-insan yang terus kekal dan lalai dengan kehidupan dunia sedangkan usia mereka itu mampu untuk mencari kebenaran atau cahaya keimanan.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنّي وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ العَلِيْمُ **أَقُولُ قَوْلِي هَذَا** وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسلِمِيْنَ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُؤْمِنِيْنَ وَالمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ **إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمِ.**

# تيكس خطبة كدوا

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَشْهَدُ اَنْ لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلاَةِ وَالتَّسْلِيْمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيْمِ، فَقَالَ اللهُ تَعَالَى:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ﴿٥٦﴾

آمين آمين يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَآءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالسَّلاَمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمُلَ بِعِنَايَتِكَ إِلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الأَعْلَى توان يغتراوتام يغدڤرتوا نكري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلاَدِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ.

اَللَّهُمَّ ادْفَع عَنَّا الْبَلاَءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحَنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٍ. اَللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّءِ الأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠

فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْ كُمْ، وَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

****

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.
**Tel: 088-522127 @ 088-522142**